

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH :

SOALAN : 264

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) bilangan orang yang digugurkan dakwaan di bawah Akta Hasutan dan bilangan orang yang dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi/ Rayuan sejak 2016 sehingga hari ini; dan
- (b) senarai nama mereka yang pernah didakwa di bawah Akta Hasutan tetapi digugurkan pendakwaan dan dibebaskan oleh Mahkamah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2016 sehingga kini, tiada individu yang disabitkan di bawah Akta Hasutan 1948 [Akta 15] yang telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan. Seramai tiga orang telah digugurkan pendakwaan di bawah Akta 15 pada tahun 2015, manakala pada tahun 2016, lima orang telah digugurkan pendakwaan di bawah Akta yang sama. Senarai nama individu yang telah didakwa di bawah Akta 15, digugurkan pendakwaan dan dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Seksyen pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti yang berikut:

TAHUN	NAMA
2015	<ol style="list-style-type: none">1. Mohamad Ali Baharom2. Hassan Abdul Karim3. Teresa Kok
2016	<ol style="list-style-type: none">1. Azmi Sharom2. Azrie Situ3. Jemmy Liku Markus Siku4. Joseph Kolis5. Erick Jack William

Sekian, terima kasih.